



Kenyataan Media

CYBERJAYA

16 Oktober 2019

BELANJAWAN 2020 WUJUDKAN NEGARA YANG BERSATU, INKLUSIF DAN SAKSAMA, SELAIN MENJADI PEMANGKIN EKONOMI DIGITAL

Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, YB Lim Guan Eng pada Jumaat lalu mencerminkan komitmen pihak Kerajaan untuk meningkatkan kesalinghubungan di seluruh negara dalam mempersiapkan Malaysia ke arah Transformasi Digital.

Sejajar dengan aspirasi Kerajaan, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) akan memberi manfaat bersama kepada rakyat Malaysia mahupun sektor perniagaan dalam usaha untuk membangunkan ekonomi digital negara ke arah Revolusi Industri 4.0, menyemarakkan inovasi dalam pelbagai industri, merapatkan jurang digital serta mewujudkan suatu persekitaran yang kondusif untuk teknologi-teknologi baharu seperti 5G dibangunkan.

Pada masa yang sama, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) juga mengalui-alukan pelbagai insentif dengan harapan ia dapat memacu pembangunan ekosistem dan aplikasi 5G yang memperkasakan visi Kerajaan untuk mewujudkan penggunaan aplikasi-aplikasi 5G berdaya maju yang akan mentransformasikan pelbagai industri dan memberi impak positif kepada taraf hidup rakyat di negara ini. Perkembangan tersebut adalah selari dengan matlamat Suruhanjaya untuk mengkomersialkan beberapa kes kegunaan 5G bermula suku ketiga tahun 2020.

Menurut Pengerusi MCMC, Al-Ishsal Ishak, "MCMC menyambut baik komitmen Kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi menerusi transformasi digital. Namun pada masa yang sama, MCMC juga sedar akan kepentingan untuk memacu pertumbuhan yang mampan dan saksama. Keseimbangan adalah penting kerana kesalinghubungan digital

mampu untuk menggalakkan pertumbuhan di seluruh pelosok negara dan menyediakan tenaga kerja dengan kemahiran yang tepat untuk masa hadapan. Sebagai sebuah badan kawal selia industri komunikasi dan multimedia, MCMC akan terus menerajui pembangunan infrastruktur digital negara melalui NFCP bagi memastikan sektor perniagaan dan rakyat akan meraih manfaat daripada ekonomi digital tatkala negara melangkah ke era 5G dan Revolusi Industri 4.0. Usaha ini juga adalah sejajar dengan visi Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia sebagai hab Industri 4.0 di rantau Asia Tenggara demi mengembalikan status Malaysia sebagai Harimau Asia.”

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my atau hubungi:

Kamalavacini Ramanathan
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Markus Lim Han King
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1000 E-mel: scd@mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



SKMM_MCMC



SKMM_MCMC



MCMCTV